

Publication: Berita Harian

Date: 17 March 2022

Headline: Students and political leaders discuss current issues in a dialogue organised by BH



– Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

Sesi dialog antara mahasiswa, pemimpin politik bincang isu semasa

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

ISU berkaitan cukai barangan dan perkhidmatan (GST), Tabung Simpanan Pekerja (CPF), kepimpinan, stereotaip dan bahasa Melayu telah dibincangkan dalam satu dialog tertutup antara Menteri Kedua (Pendidikan merangkap Ehwal Luar), Dr Mohamad Maliki Osman dan Anggota Parlimen GRC Jalan Besar, Dr Wan Rizal Wan Zakariah bersama para pelajar universiti.

Dialog anjuran *Berita Harian* itu merupakan antara siri dialog yang kerap dijalankan akhbar ini bersama pemegang jawatan politik dengan pelbagai segmen masyarakat termasuk peniaga, ejen hartanah, asatizah, kumpulan seni dan pekerja 'gig'.

Ini merupakan kali pertama dialog dianjurkan bersama para mahasiswa setempat dan dijalankan

secara fizikal selepas dua tahun dijalankan dalam talian.

Semasa dialog tersebut, Dr Maliki turut melahirkan rasa gembiranya ramai penuntut yang hadir pada dasarnya prihatin terhadap isu semasa dan juga yang berkaitan dengan bahasa dan budaya Melayu.

Antara yang hadir termasuk pelajar, Encik Aniq Hilman Abdullah dan Cik Nurul Aisyah Syahirah Mohamed Alias dari Universiti Nasional Singapura (NUS); Cik Hairawanie Hairdudinsah dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU); Encik Zakis Thye Mustafa dan Cik Noor Afrah Sajidah Surya Dinata dari Institut Teknologi Singapura (SIT); Encik Muhammad Firdaus Mohamed Zainol dan Encik Muhammad Dania Afq Jamzuri dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU); serta Cik Nur Umairah Abdul Rahim dan Encik Muhammad Hakim Syarifuddin Mohamad Zin dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings. Reproduced with permission.